

**SOALAN NO: 209**

Di antaranya; projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100Mbps di ibu negeri dan bandar-bandar utama di Sarawak. Sehingga kini, sebanyak lebih 120 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 13 ibusawat di Sarawak.

Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar.

Di samping itu, lebih dari 8 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 52 ibusawat di Sarawak, manakala sebanyak 15 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019 di bawah projek SUBB. Melalui projek RBB pula, lebih dari 1 ribu sambungan telah tersedia pada ketika ini dan lebih dari 5 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2018.

Pihak Kerajaan juga telah melaksanakan sistem kabel gentian optik dasar laut (SKR1M) yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet terutamanya di Sabah dan Sarawak dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti 4 tarabit per saat dengan jumlah jarak keseluruhan lebih dari 3,800 kilometer yang menghubungkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.